

Menghidupkan SOLAT dalam Diri

■ MUHAMMAD ALIF FITRI ABDUL HALIM

Solat, merupakan ibadah yang kita lakukan lima kali sehari sejak akil baligh sehinggalah ke hujung nyawa. Namun, sedarkah kita sebenarnya solat itu bukan sekadar memenuhi kewajiban sebagai seorang hamba Allah?

Kini pelbagai rahsia solat telah berjaya dirungkai melalui kajian terkini. Antaranya kebaikan solat menurut perspektif sains moden. Namun, sejauh mana solat yang kita dirikan itu mencerminkan diri kita sebagai seorang Muslim sejati?

Sedangkan solat menjadi salah satu ciri pemisah antara iman dan kufur. Bukankah Nabi s.a.w. telah bersabda: “Sesungguhnya perkara yang memisahkan antara seorang laki-laki (Muslim) dengan kesyirikan dan kekufuran adalah meninggalkan solat.” (Riwayat Muslim)

Solat Sebagai Benteng

Kita lihat bagaimana solat didirikan hari ini. Ya, tidak dapat dinafikan ada masjid yang hidup dengan jemaah solatnya yang penuh. Tidak dinafikan juga azan dilaungkan lima kali sehari setiap hari di segenap tempat. Alhamdulillah, kita mesti bersyukur dengan semua ini.

Namun, malangnya adakah solat kita benar-benar menjadi pemisah antara kita dengan orang yang tidak beriman dan kufur?


Maka, kita perlu berusaha menjadikan solat kita sebagai cara untuk

membenteng diri daripada perkara keji dan mungkar. Bukankah Allah telah mengakui hal ini dengan firman-Nya: “Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar.” (Surah al-‘Ankabut 29: 45)

Buya Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* menjelaskan bahawa dengan mendirikan solat lima waktu sehari semalam bererti kita membina benteng mengelilingi diri kita dengan selalu berhubung dengan Allah s.w.t. Maka solat tersebut akan melindungi kita daripada melakukan perbuatan yang keji seperti berzina, merompak, berdusta, menipu dan segala perbuatan mungkar yang mendapat celaan masyarakat.

Namun, bagaimanakah sekiranya solat yang didirikan itu tidak dapat berperanan menjadi benteng sebagaimana yang dikatakan? Baginda s.a.w. telah bersabda: “Sesiapa yang solatnya tidak dapat mencegahnya daripada perbuatan keji dan mungkar, maka tidaklah ada solat baginya.” (Riwayat Ibn Abi Hatim)

Lebih teruk lagi, terdapat ancaman daripada Baginda buat golongan yang mendirikan solat tetapi masih lagi melakukan perbuatan yang keji dan mungkar. Sabdanya: “Sesiapa yang solat



tetapi tidak dapat mencegah dirinya daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar, maka tidaklah dia bertambah dekat kepada Allah melainkan bertambah jauh.” (Riwayat al-Tabarani)

Roh Solat di Luar Solat

Caranya adalah menghisai perbuatan dan sikap kita dengan nilai-nilai yang ada ketika kita sedang mendirikan solat. Kita boleh bahagikan kepada tiga bahagian mengikut tiga jenis rukun dalam solat iaitu:





“

Hidupkan solat dalam diri kita agar begitu kita di dalam solat, begitu jugalah kita di luar solat.

”

1 RUKUN QALBI

Terdapat satu sahaja rukun solat jenis ini iaitu niat. Niat mestilah jelas dan tetap jenis solat dan bilangan rakaatnya. Begitu juga dalam hidup kita. **Hati** kita perlu sentiasa bersih

daripada sifat-sifat mazmumah yang mengotorkan hati.

Hasad, takbur, ujub dan sebagainya perlu dibuang daripada hati kita agar hati sentiasa dipenuhi dengan perkara-perkara yang baik sahaja. Fikir semula, adakah hati kita ketika solat berbeza dengan di luar solat? Bukankah itu hati yang sama? Andai ketika solat hati boleh dijaga, di luar solat seharusnya boleh juga.

2 RUKUN QAWLI

Tidakkah setiap lafaz yang diucapkan ketika solat itu merupakan lafaz yang baik-baik? Setiap gerak-geri dalam solat dimulakan dan diselangi dengan lafaz zikir menyebut nama

Allah. Begitulah juga kita sepatutnya di luar solat. Setiap gerak gerik kita mulakanlah dengan menyebut nama Allah sebagaimana yang telah diulas dalam majalah *Solusi* edisi 134.

Kemudian, tidakkah kita pelik melihat seseorang yang hadir ke masjid untuk mendirikan solat Jumaat misalnya dengan memandu kereta. Dia mendengar khutbah dan mendirikan solat Jumaat berjemaah. Namun, sebaik sahaja ingin keluar dari perkarangan masjid, mulutnya dipenuhi dengan kata-kata kesat dan maki hamun kerana laluan keluar dari masjid sesak.

Adakah itu yang sepatutnya berlaku? Sudah tentu tidak. Sepatutnya solat yang didirikan itu mengajarnya untuk

berkata-kata baik. Bukankah Baginda s.a.w. telah bersabda, “Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata yang baik-baik atau diam.” (Riwayat al-Bukhari)

3 RUKUN FI’LI

Tanda seseorang Muslim itu berhasil mendapatkan solat yang berkesan dapat dilihat melalui tingkah lakunya. Rukun *fi’li* dalam solat sebenarnya mengajar kita untuk sentiasa melakukan perbuatan yang disuruh Allah. Bukankah tiap gerak geri solat kita itu adalah sepertimana yang diperintah oleh Allah dan diajarkan Baginda s.a.w.?

Sudah tentu kita tidak boleh melakukan sebarang perbuatan tambahan ketika solat. Jikalau begitu, mengapa setiap tingkah laku kita di luar solat tidak sebegitu? Kita solat, tetapi melakukan perkara yang dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya.

Kita solat, tetapi memakan wang haram. Kita solat, tetapi melakukan khianat. Kita solat, tetapi kita berlaku zalim. Kita solat, tetapi kita menjadi penabur fitnah. Kita solat, tetapi apabila diberikan amanah, kita tidak menjalankannya.

Bukankah semua perbuatan itu tidak melambangkan ciri-ciri seorang Muslim?

Hidupkan Solat dalam Diri

Hakikatnya, benarlah bahawa solat itu menjadi pemisah antara iman dan kufur. Oleh itu, amat malang sekiranya solat yang didirikan itu tidak dapat membentuk keperibadian yang mencerminkan diri sebagai seorang Muslim dan Mukmin sejati.

Persoalannya sekarang, adakah kita berasa bangga menjadi umat yang mendirikan solat? Sudah tentu. Namun, adakah kita juga bangga dengan sikap dan tingkah laku kita sebagai seorang yang mendirikan solat?

Jika solat tidak dapat mencerminkan sikap dan tingkah laku yang baik, hayatilah kembali solat kita. Hidupkan solat dalam diri kita agar begitu kita di dalam solat, begitu jugalah kita di luar solat. **S**



Biasa: 3 minit 20 saat

Pantas: 0 minit 24 saat



Kerana Menolak Ganjaran 100 Ekor Unta Betina, Lelaki itu Akhirnya Menyarung Gelang Kebesaran Kisra

Tatkala Rasulullah s.a.w. bersama-sama Abu Bakar al-Siddiq keluar berhijrah, kaum Quraisy mengisytiharkan bahawa sesiapa yang dapat membawa mereka berdua pulang akan diberikan ganjaran 100 ekor unta betina.

Lalu Suraqah bin Malik segera menggunakan kepakarannya menunggang kuda menjejak Rasulullah dan sahabatnya itu di padang pasir. Tatkala beliau ingin menghampiri mereka berdua, tiba-tiba kuda yang ditunggangnya tersungkur beberapa kali.

Melihatkan situasi tersebut, Rasulullah bersabda kepada Suraqah: “Apa pandanganmu sekiranya nanti kamu dapat memakai gelang kebesaran Kisra (maharaja Parsi)?”

“Kisra bin Hurmuz?” soal Suraqah berasa tidak percaya.

“Ya,” jawab Rasulullah.

Lalu beliau pun kembali kepada kaumnya dengan tangan kosong kerana tahu Baginda dan Abu Bakar al-Siddiq tidak boleh diapa-apakan.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab, umat Islam berjaya menubuhkan Empayar Parsi. Lalu harta rampasan perang dibawa pulang ke kota Madinah. Antara yang dibawa ialah gelang kebesaran maharaja Parsi bersama mahkotanya. Lalu, Umar memanggil Suraqah dan menyuruh beliau memakainya.

Umar berkata: “Angkatlah tanganmu wahai Suraqah dan ucapah, ‘Segala puji bagi Allah yang telah melucutkan pakaian ini daripada Kisra bin Hurmuz dan memakainya kepada Suraqah yang berbangsa Arab.’” **S**

Rujukan: *Al-Sirah al-Nabawiyah*, Ibn Hisyam dan *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*, Ibn Hajar al-‘Asqalani.